

# Umno hadapi zaman mencabar, kata Menteri

TEMERLOH, Isnin — Umno kini menghadapi satu zaman yang mencabar kerana terpaksa melayani pelbagai tuntutan dari ahlinya, kata Menteri

di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdulah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, masyarakat Melayu khususnya ahli-ahli Umno, juga perlu berazam dan berusaha bersungguh-sungguh bagi menjamin pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru sebelum 1990.

Katanya, sungguhpun pelaksanaan DEB terjejas sedikit kerana kemelesetan ekonomi sekarang, ia masih lagi dapat diperkuh menjelang tamat tempohnya.

Beliau berkata, politik

Melayu harus dikekalkan untuk menguasai keadaan ini bagi menentukan dasar itu dilaksana sepenuhnya.

Beliau menyatakan demikian dalam ceramahannya di perkampungan Pemuda Umno Pahang di sini petang kelmarin.

Katanya, beberapa konsep yang dilaksanakan oleh kerajaan hari ini adalah bagi menjamin DEB dapat meningkatkan perkembangan ekonomi bangsa Melayu menjelang tempoh itu.

Menurutnya, sungguhpun kemelesetan ekonomi menjajakan sedikit di dalam kemajuan dasar itu, tetapi rakyat tidak harus berbangga kerana Malaysia masih dapat mengimbangi pertumbuhan ekonomi empat peratus, lebih tinggi dari negara-negara membangun yang lain.

Menurutnya, barisan Pemuda yang akan dipersoalkan terhadap kegagalan itu di hari depan hendaklah mengemukakan dan bersedia merebut peluang-peluang yang didedahkan kerajaan melalui konsep persyarikatan dan pangswastaan yang berjalan sekarang.

Sebaliknya, jika Pemuda kurang menitikberatkan usaha-usaha ke arah itu, beliau bimbang kepemimpinan Melayu akan menjadi perbincangan hangat dan ugutan kepada kestabilan politik di negara ini.

Tempoh perjuangan Umno dalam membangunkan masyarakat Melayu tidak lagi memerlukan generasi yang sedia berkorban harta benda tetapi mahukan pemimpin yang bersemangat bagi meletakkan kepemimpinan Melayu sebagai teras kerajaan hari ini.

Oleh yang demikian, segala isu-isu yang menyentuh orang Melayu akan menjadi perhatian bukan sahaja di dalam negara, juga di kalangan pemerhati politik antarabangsa.

Tegasnya, orang-orang Melayu seharusnya sudah sedar bahawa kepemimpinan Melayu sekarang telah berani sebagai pejuang bagi Dunia Ketiga di peringkat antarabangsa seperti dalam masalah Kampuchea dan Palestin.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia